

SULIT
1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos/September
2017

1103/1



2¼ jam

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2017

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan kempen Keluarga Bahagia.

Huraikan pendapat anda tentang kepentingan memiliki keluarga bahagia. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KEPENTINGAN MEMILIKI KELUARGA BAHAGIA**RUMAHKU SYURGAKU**

- Mengukuhkan institusi keluarga
- Melahirkan anak-anak yang berjaya
- Membentuk sikap-sikap positif

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Kes keracunan makanan yang berlaku akhir-akhir ini disebabkan oleh sikap kurang prihatin seseorang terhadap penjagaan kebersihan.

Sebagai pelajar yang prihatin, jelaskan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengelakkan diri menjadi mangsa keracunan makanan.

- 2 Media massa sering memaparkan iklan barangan dan perkhidmatan untuk melahirkan pengguna yang bijak. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk 'Peranan Iklan dalam Melahirkan Pengguna yang Bijak'.

Tulis rencana itu selengkapnya.

- 3 Orang Kelainan Upaya (OKU) turut memberi sumbangan untuk memajukan negara dalam pelbagai bidang.

Ulaskan pernyataan di atas.

- 4 Jenayah pemerdagangan manusia kini merentas sempadan negara. Hal ini memerlukan kerjasama yang berkesan antara negara untuk menanganinya.

Bincangkan.

- 5 Peribahasa 'Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis' boleh dikaitkan dengan amalan berjimat cermat.

Berikan pendapat anda tentang faedah-faedah amalan berjimat cermat dalam kehidupan generasi muda kini.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos/September
2017

1103/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2017

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian *buat satu rumusan tentang kepentingan pengurusan kewangan kepada remaja dan halangan untuk melaksanakannya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menyebut bahawa sebanyak 1157 kes kebangkrapan yang melibatkan golongan di bawah umur 25 tahun telah direkodkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia. Faktor utama golongan muda di negara kita muflis ialah ketidakcekapan menguruskan kewangan sendiri akibat didorong oleh kegagalan perancangan kewangan yang baik dan kurangnya pendidikan mengenai kaedah berbelanja secara berhemat. Keadaan ini disebabkan oleh golongan muda memiliki tahap pendidikan kewangan yang rendah sedangkan pengurusan kewangan yang bijak membolehkan remaja merancang masa depan dengan lebih strategik.

Pengurusan kewangan yang baik sebenarnya dapat memastikan remaja mampu membayar balik wang pinjaman pendidikan setelah tamat belajar. Di samping itu, remaja boleh menggunakan wang simpanan yang dikumpulkan untuk memulakan perniagaan bagi meneruskan kelangsungan hidup terutamanya apabila tidak mendapat sebarang pekerjaan selepas tamat pengajian. Selain itu, remaja juga dapat memastikan mereka mempunyai simpanan wang yang cukup sebagai persediaan menghadapi keadaan ekonomi yang tidak menentu. Amalan menyimpan dapat membantu mereka untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat yang lebih tinggi setelah tamat persekolahan peringkat menengah.

Walaupun secara dasarnya kebanyakan remaja mempunyai aliran masuk wang daripada *sumber yang terhad* seperti ibu bapa dan biasiswa atau pinjaman pendidikan, remaja yang cekap menguruskan kewangannya dapat mengelakkan mereka terbelenggu dengan masalah kekurangan wang saku sepanjang tempoh pengajian. Namun, ada juga sebahagian remaja yang sudah terjerat dengan masalah hutang sejak usia muda. Oleh itu, amat penting untuk remaja menguruskan kewangan dengan sistematik kerana hal ini dapat membantu remaja khususnya yang belajar di universiti menampung perbelanjaan tertentu sepanjang bergelar mahasiswa.

Remaja sebenarnya boleh menampung perbelanjaan harian sebagai pelajar dengan menjalankan kegiatan yang dapat menjanakan pendapatan sampingan seperti melibatkan diri dalam bidang keusahawanan dan bekerja sambil ketika cuti semester. Hasil pendapatan tersebut, mereka mampu membeli dan memiliki hartanah yang boleh menjamin masa depan untuk membeli rumah, rumah kedai atau aset-aset yang lain. Kebijaksanaan menguruskan kewangan sedikit sebanyak akan turut membolehkan remaja menggunakan wang untuk tujuan pelaburan seperti pembelian saham amanah atau disimpan di institusi kewangan tertentu. Kesimpulannya, remaja disarankan untuk mendalami ilmu pengurusan kewangan agar pengurusan kewangan yang cekap dapat diaplikasikan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pengurusan Kewangan Remaja',
oleh Norazizah Mohd Amin,
Dewan Siswa, Bil 3 2017

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *sumber yang terhad*. [2 markah]

(ii) Pengarang ada menyatakan beberapa punca golongan muda diisytiharkan muflis.

Nyatakan punca-punca tersebut. [3 markah]

(iii) Golongan remaja dikatakan mudah terjebak dengan pelbagai skim pelaburan cepat kaya yang akhirnya merugikan mereka.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mengelakkan remaja terjebak dengan skim-skim pelaburan seperti ini.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

CIKGU DAHARI: Setiap bangsa dan negara di dunia ini mempunyai budaya tersendiri. Walau maju macam mana sekalipun sesuatu bangsa itu, mereka tetap memegang jati diri bangsa mereka. Hal ini menjadikan mereka mempunyai jati diri tersendiri tanpa mengikut acuan mana-mana individu. Hal ini akan lebih menunjukkan individu yang pintar. Berbalik kepada soalan untuk aktiviti dalam modul PPSB itu, pelatih akan diperkenalkan dengan puisi tradisional dan moden, seperti syair, pantun, seloka, gurindam dan nazam. Pelatih akan dibahagikan dalam kumpulan dan setiap kumpulan akan membuat persembahan pentas selama 10 minit. Sajak menjadi teras utama dalam persembahan tersebut.

NORA: Wow, seronok macam itu! Rasa macam artislah pula.

CIKGU DAHARI: Kalau nak menjadi artis pun biarlah artis yang berpendidikan. Bukan tujuan modul ini melatih pelatih untuk menjadi artis. Cuma bertujuan memperkenalkan warisan kebudayaan milik kita dan kita patut mewarisinya dengan rasa megah. Cukuplah setakat ini pengenalan untuk PLKN. Nanti kamu semua akan melaluinya sendiri.

Dipetik daripada drama 'Berkhidmat Untuk Negara'
oleh Affix Zulkarnaen Adam
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan petikan drama, apakah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam Program Penghayatan Sastera dan Budaya (PPSB)? [2 markah]
- (ii) Bidang kesusasteraan kian terpinggir dan kurang mendapat perhatian daripada remaja.
Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk memartabatkan bidang kesusasteraan tanah air? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** nilai lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka titah baginda, “Mahukah akan Tun Kanaka, saudara Seri Wak Raja?”

Maka sembahnya, “Mohon patik, tuanku.”

Maka beberapa anak orang besar-besar ditanyakan oleh Sultan, tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja. Maka titah Sultan, “Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu, anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja?”

Maka sembahnya, “Daulat, tuanku.”

Adapun akan Tun Kudu itu diperisteri Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan *sesaat itu juga ditalak baginda*, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh berhadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja.

Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu?”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *sesaat itu juga ditalak baginda*. [2 markah]
- (ii) Apakah reaksi Sultan setelah Seri Nara Diraja bersetuju untuk mengahwini Tun Kudu? [3 markah]
- (iii) Setiap pasangan suami isteri mengimpikan sebuah perkahwinan yang bahagia dan berkekalan.

Pada pendapat anda apakah cara-cara yang perlu dilakukan untuk mengukuhkan ikatan perkahwinan setiap pasangan? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Aku Membaca Lagi

Aku mendongak langit
membaca garis dan titik
menaakuli kebesaran-Mu
di bawahnya gumpalan mega
hembusan bayu dan banjaran gunung.

Kuselusuri alam
kicauan burung
desiran ombak dan wajah pelangi
mewarnai kehidupan umat-Mu.

Aku mendongak lagi
membaca langit
di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh
dahan dan ranting terkulai
daun-daun berguguran
helai demi helai
di lantai tanah airku yang makmur.

Aku membaca langit
kutemui
bulan dan bintang menangis
meratapi luka nasib bangsa.

Aku mendongak lagi
menitis air mata langit
membasahi bahasa Melayuku
yang berdarah.

Razali Mohd. Yussof
Dewan Bahasa, Januari 2007
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan rangkap ketiga sajak tersebut, apakah yang dilihat oleh penyajak setelah membaca langit? [2 markah]
- (ii) Remaja kini sering menggunakan bahasa rojak dalam pertuturan seharian mereka sehingga mencemarkan keindahan bahasa Melayu.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan remaja hari ini tidak menggunakan bahasa Melayu yang betul semasa berkomunikasi ?

[3 markah]

- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) merebus
- (ii) mereneh
- (iii) menanak
- (iv) mencelur
- (v) mengukus
- (vi) menjerang

[6 markah]

- (b) *Gabungkan ayat-ayat di bawah supaya menjadi tiga ayat sahaja dengan menggunakan kata hubung yang sesuai tanpa mengubah maksud dan struktur asalnya.*

Melaka merupakan destinasi pelancongan. Melaka mempunyai bangunan-bangunan bersejarah. Melaka mempunyai tempat-tempat menarik. Kerajaan negeri mengadakan pelbagai usaha mempromosikan Melaka. Kerajaan negeri mengadakan kempen Melawat Melaka Bererti Melawat Malaysia. Melaka lebih dikenali oleh pelancong-pelancong. Peluang pekerjaan terbuka luas. Banyak pelancong mengunjungi Melaka. Ekonomi Melaka meningkat.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pegawai itu mensifatkan tragedi banjir lumpur yang berlaku merupakan kejadian terburuk dalam tempuh 20 tahun.
- (ii) Penceramah itu memberikan definasi yang tepat tentang judul ceramah yang disampaikan dengan rujukan Kamus Dewan.
- (iii) Alat mengimbas suhu atau termografik akan dipasang disetiap pintu masuk utama negara bagi mengesan tahap kesihatan pelawat atau pelancong.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Majlis pemberian anugerah kepada semua pelajar-pelajar cemerlang di sekolah itu baru sahaja selesai.
- (ii) Pertandingan membacakan sajak yang sepatutnya berlangsung di luar dewan pada pukul 10 pagi telah ditunda oleh kerana hari hujan.
- (iii) Aziz tidak pernah berputus asa walaupun telah berapa kali gagal sampai ke puncak Gunung Kinabalu kerana dia tetap bercita-cita untuk menaiki gunung tersebut.

[6 markah]

(e) Lengkapkan peribahasa di bawah dan salin semula keseluruhan peribahasa tersebut.

- (i) Di mana bumi dipijak, _____.
- (ii) Masuk kandang kambing mengembek, _____.
- (iii) Berakit - rakit ke hulu, berenang - renang ke tepian, _____.
- (iv) _____, tak lekang dek panas.
- (v) _____, malu bertanya sesat jalan.
- (vi) _____, melepaskan pucuk masing-masing.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut.

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Tirani karya Beb Sabariah
- (vi) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (vii) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (viii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** konflik antara watak yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Satu daripada nilai yang terdapat dalam **kedua-dua** novel yang anda kaji ialah nilai keberanian.

Jelaskan **satu** peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian bagi setiap novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT